



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-88877033 Faks: 03-88811008



YAB PERDANA MENTERI LANCAR TAHUN SAMBUTAN JUBLI PERAK PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 31 Disember 2019 – YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyempurnakan pelancaran Sambutan Jubli Perak Putrajaya semasa Festival Light and Motion Putrajaya (LAMPU) 2019 bertempat di Dataran Putrajaya, Presint 3.

Turut hadir YABhg. Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali, YB Menteri Wilayah Persekutuan, Tuan Haji Khalid Abdul Samad, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, YBhg. Datuk Hajah Rosida Binti Jaafar dan Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim.

Sambutan Jubli Perak Putrajaya akan diraikan dengan penuh kemeriahan sepanjang tahun. Padat dengan pelbagai acara, program serta pengisian yang dibawakan khas bermula bulan Januari tahun hadapan, kemuncak sambutan adalah pada 29 Ogos 2020 di mana Kapsul Masa yang ditanam sendiri oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Ogos 1995 iaitu 25 tahun yang lalu akan dikeluarkan dan dibuka.

Malam ini juga diadakan Sambutan Ambang Tahun Baharu 2020 di Dataran Putrajaya yang disempurnakan oleh Presiden PPj, YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim dengan pertunjukan bunga api dan bunga api digital. Sambutan ini turut menjadi penutup tirai kepada Festival Light and Motion Putrajaya (LAMPU) 2019 yang telah dianjurkan selama 4 hari pada 28 – 31 Disember 2019.

Sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Pegawai Media, En. Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-8887 7347/019–3354346 atau En Ahmad Fazila Othman di talian 03-88877325/012-5761490.

(TENGGU AINA BINTI YTM TENGGU ISMAIL SHAH)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: Disember 2018